



KENYATAAN MEDIA

TIMBALAN PERDANA MENTERI

MENTERI PERTAHANAN

16 JULAI 2021

**MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) &
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD)**

Pelan Pemulihan Negara (PPN) merupakan komitmen Kerajaan dalam menyediakan strategi yang jelas bagi menangani pandemik COVID-19. Kerajaan juga sentiasa melaksanakan langkah-langkah penguatkuasaan SOP yang tegas termasuk operasi pematuhan, tindakan pengawalan dan pemeriksaan (*snap check*) premis-premis perniagaan serta kilang-kilang.

Semalam sahaja sebanyak 180 kilang dan premis perniagaan telah dikenakan tindakan kerana tidak mematuhi SOP yang ditetapkan dan pada hari ini, 65 premis turut dikenakan tindakan.

Kerajaan tidak akan berkompromi jika terdapat pelanggaran arahan serta SOP dalam apa juga situasi kerana apa yang menjadi keutamaan kini adalah keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Jika ada mana-mana premis masih berdegil dan melanggar arahan pihak berkuasa, tindakan keras termasuk arahan tutup serta-merta akan dikenakan.

Penamatan PKPD 34 Mukim di Selangor

Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 34 mukim di negeri Selangor yang dijadualkan tamat pada hari ini, 16 Julai 2021.

Sidang Khas MKN telah meneliti pembentangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai situasi semasa dan bersetuju untuk tidak melanjutkan PKPD di kesemua mukim yang terbabit.

Pelaksanaan PKPD

Sidang Khas MKN telah meneliti pembentangan KKM dan setelah mengambil kira penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, telah bersetuju untuk mengenakan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1	13 lokaliti dalam daerah Kuantan <ul style="list-style-type: none"> • Tanjung Lumpur • Peramu • Anak Air • Sg Derhaka • Kempadang • Sg Soi • Kg Pahang • Taman Seri Inderapura • Taman Indera Sempurna • Taman Tas & Pandan • Sungai Isap • Lorong Seri Teruntum • Taman Impianku 	18 Julai 2021	31 Julai 2021
2	Damai Apartment, PJS 8, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor	18 Julai 2021	31 Julai 2021

3	Jalan Pandan Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor	18 Julai 2021	31 Julai 2021
4	Jalan Batu Nilam, Bandar Bukit Tinggi, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor	18 Julai 2021	31 Julai 2021
5	Taman Samudera, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor	18 Julai 2021	31 Julai 2021
6	Ladang Sawit KLK Lungmanis & Perumahan Kilang, Mukim Silabukan, Lahad Datu, Sabah	18 Julai 2021	31 Julai 2021
7	Kampung Pinolobuh Bukid, Kota Belud, Sabah	18 Julai 2021	31 Julai 2021
8	PPR Taman Ehsan, Kudat, Sabah	18 Julai 2021	31 Julai 2021
9	Tiga (3) lokaliti di Bahagian Kuching, Sarawak; 1. Kampung Seratau 2. Kampung Astana Lot 3. Kampung Sungai Bedil Besar		
10	Taman Chengal, Temerloh, Pahang	18 Julai 2021	31 Julai 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD

Sidang Khas MKN juga telah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi di lokaliti PKPD dan setelah mengambil kira penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, telah bersetuju untuk melanjutkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat	Pelanjutan
1	Kampung Siasai Dundau, Kota Belud, Sabah	17 Julai 2021	Dilanjutkan dari 18 Julai – 31 Julai 2021
2	Kampung Naruntung, Pitas, Sabah	17 Julai 2021	Dilanjutkan dari 18 Julai – 31 Julai 2021

Penamatan PKPD

Sidang Khas MKN setelah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi telah bersetuju untuk menamatkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1	34 Mukim dalam Negeri Selangor	3 Julai 2021	16 Julai 2021
2	Kilang Jimat Jaya Sdn Bhd, Kawasan Industri Ringan Bukit Makmur & Asrama Pekerja, Kuala Muda, Kedah	4 Julai 2021	17 Julai 2021
3	Kampung Pantai Emas, Kota Belud, Sabah	4 Julai 2021	17 Julai 2021
4	Kampung Iban Kuala Nansang, Tawau, Sabah	4 Julai 2021	17 Julai 2021
5	Kampung Babagon, Penampang, Sabah	4 Julai 2021	17 Julai 2021
6	Taman Nagasari, Mukim 6, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	4 Julai 2021	17 Julai 2021
7	Taman Desaria, Seremban, Negeri Sembilan	5 Julai 2021	18 Julai 2021

SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terdapat peningkatan insiden pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam Pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 84,976 pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 19,133 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 2,309 buah kilang, 14,237 premis perniagaan, 833 tapak pembinaan dan 322 buah asrama penempatan pekerja.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 65 premis meliputi kilang, premis perniagaan dan tapak pembinaan diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 84,976 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,317 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,133 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 416 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 404 individu dikompaun manakala 12 lagi direman.

Orang ramai diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dan mengamalkan kawalan sendiri dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 57 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas sembilan (9) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak empat (4) buah bot/kapal dan sebuah kenderaan darat turut dikesan di perairan negara melalui empat (4) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 890 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 836 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 164 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 67 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (8).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 919 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 231 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 166 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 32,382 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 673 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 249,548 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 81 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,988 individu telah dikuarantin dan 237,289 orang dibenarkan pulang manakala 3,271 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 734 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (546), pemborong (157) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,773 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,769 premis mematuhi SOP manakala empat (4) lagi dikompaun.

Amalkan “lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

**TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN**